

Penswastaan cara terbaik tumpu perhatian pada peranan asal — PM

Maj. N. 18 MAR 1990

KUALA LUMPUR 17 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, program penswastaan merupakan satu cara terbaik bagaimana kerajaan boleh menumpukan sepenuh perhatian kepada peranan asalnya iaitu menjaga keselamatan dan keamanan rakyat dan negara.

Perdana Menteri menegaskan, rakyat bukan sahaja sanggup menyumbang kepada pendapatan negara, misalnya, melalui cukai bahkan sedia memberikan kuasa tertentu kepada kerajaan semata-mata untuk dilindungi.

"Kerajaan berpendapat seberapa yang boleh kerajaan hendaklah menghadkan peranannya kepada tugas asal iaitu mengawasi keselamatan dan keamanan melalui undang-undang dan berbagai bentuk perkhidmatan penyeliaan," katanya.

Berucap merasmikan Seminar Masa Depan Perusahaan Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini pagi ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, oleh itu kerajaan yakin program penswastaan merupakan kaedah terbaik bagi mencapai tujuan tersebut.

Katanya, keputusan untuk men-swastakan perusahaan-perusahaan awam juga tidak akan menjejaskan matlamat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi membantu ekonomi bumiputera.

Perdana Menteri sebaliknya berkata, pendekatan yang baru perlu dibentuk untuk mengurangkan kerugian kerajaan dan melibatkan secara

langsung bumiputera dalam alam sebenar ekonomi berikutan perubahan-perubahan yang terdapat dalam dekad kedua DEB.

"Perusahaan awam bukanlah matlamat DEB. Ia hanya alat untuk mencapai DEB," jelasnya.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, pemilikan perusahaan oleh perusahaan-perusahaan awam mungkin menambah peratusan ekuiti oleh bumiputera tetapi ekuiti dalam perusahaan yang sentiasa rugi adalah tidak bermakna.

"Tujuan membeli saham ialah untuk mendapatkan keuntungan atau menikmati kenaikan harga saham. Saham yang tidak mendatangkan keuntungan tidak bermakna. Penyertaan bumiputera dalam perusahaan yang sentiasa rugi tidak ada faedah," katanya.

Beliau menambah, memandangkan lebih ramai bumiputera perseorangan bersedia dan berupaya memasuki bidang perusahaan sekarang ini dan berlakunya kerugian besar di kebanyakan perusahaan awam, maka kerajaan telah mengambil keputusan untuk menswastakannya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, ketidakadilan dan penindasan yang boleh berlaku dalam pasaran bebas boleh dibendung oleh sistem kerajaan yang demokratik.

Katanya, hubungan antara bumiputera dan bukan bumiputera juga boleh diawasi melalui penyeliaan dan penguatkuasaan dasar dan undang-undang.

Sehubungan dengan itu, beliau menegaskan, kerajaan yakin lambat-laun matlamat DEB akan dicapai walaupun perusahaan-perusahaan awam dikurangkan peranannya.

Katanya, kepentingan pekerja juga diberi pertimbangan, misalnya, apabila sesebuah perusahaan awam diswastakan mereka hendaklah menikmati layanan yang tidak kurang baiknya semasa mereka bekerja dengan kerajaan.

"Namun, tidaklah menjadi hasrat supaya mereka mengeksploitasi penswastaan untuk mendapat ganjaran yang luar biasa," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, sebilangan daripada perusahaan awam akan tetap kekal sebagai perusahaan awam.